

# IMPLIKASI PINDAAN AKTA HARTA PUSAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) 1955 [AKTA 98] TERHADAP PENTADBIRAN HARTA PUSAKA DI MALAYSIA

*(The Implications of the Amendment of Small Estates  
(Distribution) Act 1955 [Act 98] on the Estate Administration in  
Malaysia)*

Muhamad Mu'izz Abdullah\*  
muizzziela8990@gmail.com

Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh,  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Ahmad Mustapha Mat Ali  
musmesir2009@gmail.com

Perunding Takaful Ikhlas.

Pengarang koresponden (*Corresponding author*): \*

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Muhamad Mu'izz Abdullah & Ahmad Mustapha Mat Ali. (2023). Implikasi pindaan akta harta pusaka kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] terhadap pentadbiran harta pusaka di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 35(1), 95–118. [https://doi.org/10.37052/kanun.35\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/kanun.35(1)no5)

Peroleh: <i>Received:</i>	15/9/2022	Semakan: <i>Revised</i>	19/10/2022	Terima: <i>Accepted:</i>	12/12/2022	Terbit dalam talian: <i>Published online</i>	1/1/2023
------------------------------	-----------	----------------------------	------------	-----------------------------	------------	---	----------

## Abstrak

Pada ketika ini, masyarakat Islam di Malaysia boleh membuat permohonan untuk mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir (SKM) di Unit Pembahagian Pusaka Kecil di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) apabila melibatkan aset tidak alih sahaja, atau aset tidak alih berserta aset alih. Namun demikian, berdasarkan masalah isu kelewatan pentadbiran harta pusaka yang semakin membimbangkan dan peningkatan jumlah harta tidak dituntut yang dianggarkan hingga RM90 bilion, kerajaan Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan meminda Akta Harta Pusaka Kecil

(Pembahagian) 1955 [Akta 98]. Pindaan ini telah diluluskan di Parlimen Malaysia pada 21 Oktober 2022, seterusnya sedia dilaksanakan. Oleh sebab itu, kajian ini akan menganalisis implikasi terhadap pindaan Akta 98 ini yang melibatkan pentadbiran harta pusaka orang Islam di Malaysia. Metodologi yang digunakan ialah analisis dokumen yang melibatkan Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] dan sumber sekunder, iaitu makalah jurnal, prosiding, buku, keratan akhbar, dan laman sesawang. Selain itu, temu bual juga dijalankan melibatkan wakil agensi daripada Amanah Raya Berhad (ARB) dan JKPTG. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat empat implikasi utama terhadap pindaan Akta 98 ini, iaitu melibatkan peluasan bidang kuasa, pembaikan tadbir urus, penyingkatan tempoh masa pentadbiran harta pusaka dan petisyen secara elektronik.

Kata kunci: Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98], Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643], Unit Pusaka Kecil, pentadbiran harta pusaka, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Amanah Raya Berhad (ARB)

### ***Abstract***

*At the present time, Muslims in Malaysia can apply for a Letter of Administration (LA) at the Small Estate Unit under the Department of Director General of Lands and Mines (JKPTG) when it involves immovable assets only, or immovable and movable assets. However, based on the issue of delay in the administration of the estate, which is becoming increasingly worrying, and the increase of unclaimed money, which is estimated to be up to RM90 billion, the Government of Malaysia has taken a proactive step by amending the Small Estates (Distribution) Act 1955 [Act 98], which has been approved in the Malaysian Parliament on 21 October 2022 and is ready to be implemented soon. Therefore, this study analyzes the implications of the amendment to Act 98, which involves the administration of Muslim estates in Malaysia. The methodology used are document analysis involving the Small Estates (Distribution) (Amendment) Act 2022 (Act A1643) and secondary sources, such as journal articles, proceedings, books, newspaper clippings, and websites. In addition, interviews were also conducted involving agency representatives from Amanah Raya Berhad (ARB) and JKPTG. This study found that there are four main implications to the amendment of Act 98 which involves the expansion of jurisdiction, improving governance, a shorter time period for the administration of the estate, and automatic petitions.*

*Keywords: Small Estates (Distribution) Act 1995 [Act 98], Small Estates (Distribution) (Amendment) Act 2022 [Act A1643], Small Estate, estate administration, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Amanah Raya Berhad (ARB).*

## PENDAHULUAN

Pentadbiran harta pusaka yang sistematik dapat menjamin kemaslahatan keluarga si mati dan waris yang ditinggalkan. Malah, harta pusaka yang ditadbir urus dengan baik dapat meningkatkan sumber ekonomi negara, terutamanya yang melibatkan isu pemilikan hartanah. Namun begitu, isu berkenaan pentadbiran harta pusaka masih terus dibangkitkan oleh para sarjana, seperti isu harta yang tidak dituntut yang kini mencecah hampir 90 bilion (Aqilah, 2021; Nur Fadlin & Azlin Alisa, 2022) dan proses pentadbiran harta pusaka yang sukar (Fazira *et al.*, 2014; Wan Suraya *et al.*, 2016). Isu lain yang dibangkitkan ialah kos pentadbiran yang tinggi (Suhaimi *et al.*, 2019), kefahaman yang rendah dalam kalangan waris (Muhamad Mu'izz *et al.*, 2021) dan isu komitmen dalam kalangan waris (Nik Rahim *et al.*, 2018).

Semua isu yang berbangkit ini seolah-olah tiada titik noktah dan sentiasa menjadi perbincangan dalam kalangan pihak industri, para sarjana dan pemegang taruh yang terlibat. Masalah ini sudah pasti merugikan waris si mati dan tidak memenuhi maqasid penjagaan harta (hifz mal) seperti yang dikehendaki oleh syarak (Muhamad Mu'izz *et al.*, 2020; Nurul Ain Nadiyah, 2015). Secara tidak langsung, hal ini memberikan impak negatif kepada pembangunan ekonomi negara (Hani Kamariah *et al.*, 2020). Malah, yang lebih mengkusarkan ialah isu ini juga mungkin membantutkan usaha kerajaan untuk merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) seperti yang digariskan dalam Teras Strategik 2: Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Selain itu, isu ini turut mendapat perhatian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku penyelaras hal ehwal orang Islam di Malaysia bagi “Meningkatkan Sosioekonomi Umat Islam” melalui teras strategik ketujuh, Pelan Strategik JAKIM 2019–2025 (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2019).

Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah proaktif untuk menangani masalah yang semakin berlanjutan ini dengan cara melaksanakan pindaan secara holistik terhadap Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955

[Akta 98]. Hasilnya, akta ini kini dikenali sebagai Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] setelah lulus pembacaannya di Dewan Rakyat bagi Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat, Parlimen Keempat Belas pada 21 Oktober 2021 (Menteri Tenaga dan Sumber Asli, 2021). Pindaan ini secara umumnya memfokuskan harta pusaka si mati yang kini terdiri daripada harta tidak alih (tanah/rumah), sama ada sebahagian atau keseluruhan dengan nilai di bawah RM2 juta (Bibi Nur Adila & Md Yazid, 2016).

Kajian ini akan menganalisis dan memberikan penelitian terhadap beberapa pindaan Akta 98 untuk melihat implikasinya terhadap pentadbiran harta pusaka. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan harapan kepada umat Islam bagi merungkaikan isu permasalahan harta pusaka yang telah lama menyelubungi umat Islam di Malaysia.

## **SOROTON LITERATUR**

### **Sejarah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98]**

Pentadbiran harta pusaka di Malaysia bermula secara rasmi pada tahun 1955 melalui pengenalan Ordinan (Pembahagian) Pusaka Kecil [Akta 98]. Bermula dari tahun tersebut, sebahagian daripada bidang kuasa mahkamah tinggi telah dipindahkan kepada Pemungut Hasil Tanah. Oleh sebab itu, beberapa ordinan yang berkaitan dengan pentadbiran harta pusaka telah terbatal dengan kewujudan Ordinan (Pembahagian) Pusaka Kecil [Akta 98] ini. Contohnya, *The Small Estates Enactment* (Johor 1936), *The Administration Enactment* 1930 (Kelantan) Seksyen 23, dan *The Land Enactment* 1356 (Perlis). Antara kesan utama pengenalan Ordinan (Pembahagian) Pusaka Kecil [Akta 98] ini termasuklah penyeragaman pentadbiran harta pusaka di setiap negeri pada ketika itu (Pusat Informasi Tanah dan Ukur, 2015).

Sebelum Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] ini diperkenalkan, akta ini masih dikenali sebagai ordinan. Beberapa pindaan dan evolusi terhadap bidang kuasanya telah dilaksanakan semenjak diperkenalkan pada tahun 1995. Contohnya, bidang kuasanya telah dipertingkatkan daripada RM5 ribu kepada RM10 ribu pada 23 Jun 1972. Seterusnya, bermula pada 1 Januari 1989, bidang kuasanya dinaikkan lagi kepada RM25 ribu, RM50 ribu, RM300 ribu dan RM600 ribu. Pindaan terakhir ialah pindaan kepada RM2 juta berdasarkan nilai hartanah semasa bagi memenuhi tuntutan masyarakat pada ketika itu (Pusat Informasi Tanah dan Ukur, 2015).

Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] ini terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. Bagi melancarkan pentadbiran harta pusaka ini, satu unit khas telah diwujudkan, iaitu Unit Pembahagian Pusaka Kecil. Istilah “harta pusaka kecil” dalam Seksyen 3(2) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] merujuk harta pusaka si mati yang meliputi harta tidak alih, sama ada sebahagian atau keseluruhannya dengan nilai harta tidak melebihi RM2 juta. Melalui definisi ini, dapat difahami bahawa sekiranya si mati meninggalkan aset alih sahaja dan nilainya di bawah RM2 juta, pihak berautoriti untuk mentadbirnya ialah ARB atau mahkamah tinggi.

Seterusnya, berdasarkan Akta Probet dan Pentadbiran 1959 dan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98], pusaka berwasiat diletakkan di bawah bidang kuasa mahkamah tinggi. Malah, si mati Muslim yang meninggalkan wasiat juga tidak boleh dirujuk untuk penyelesaian harta pusaka di Unit Pembahagian Pusaka Kecil (Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, 2022).

Menurut Nur Fadlin & Azlin Alisa (2022), antara fungsi utama Unit Pembahagian Pusaka Kecil ini termasuklah;

- (1) Mengurus permohonan pusaka, termasuklah perbincaraan, rayuan dan mengeluarkan surat kuasa mentadbir.
- (2) Menyelaraskan bidang tugas pentadbiran harta pusaka.
- (3) Mempercepat proses penurunan hak milik.
- (4) Membantu kerajaan negeri dari segi proses pendaftaran semula hak milik tanah si mati.
- (5) Membantu kerajaan negeri dari segi mengelakkan berlakunya pemecahan tanah yang tidak terkawal.

Peruntukan bidang kuasa ini juga telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai 1, Perkara 4(e)(1):

... pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat, probet dan surat mentadbir pusaka ... sebagai senarai persekutuan.

Berdasarkan peruntukan perlembagaan ini, pentadbiran harta pusaka di Malaysia terbahagi kepada tiga institusi utama bergantung pada jenis

dan nilai aset si mati tersebut (Ainan Husnaa & Siti Mashitoh, 2020). Institusi ini ialah:

- (1) Amanah Raya Berhad (ARB) bagi aset alih bawah RM600 ribu yang juga dikenali sebagai pusaka ringkas.
- (2) Pejabat tanah melalui Unit Pembahagian Pusaka Kecil bagi aset bawah RM2 juta, yang melibatkan aset tidak alih sahaja, atau aset tidak alih berserta aset alih yang juga dikenali sebagai Pusaka Kecil.
- (3) Mahkamah tinggi bagi aset lebih daripada RM2 juta, yang melibatkan aset alih dan tidak alih, atau satu daripadanya yang juga dikenali sebagai Pusaka Besar.

### **Cara Pembahagian Pusaka di Unit Pembahagian Pusaka Kecil (sebelum pindaan Akta 98)**

Bagi orang Islam, pentadbiran pusaka dilakukan berdasarkan hukum faraid seperti yang termaktub pelaksanaannya dalam *Surah al-Nisa* ayat ke-11, 12 dan 176. Namun begitu, sewaktu perbicaraan harta pusaka dilaksanakan, waris si mati juga diberi kebebasan, sama ada untuk memilih pembahagian secara faraid, muafakat atau penolakan hak (*takharrij*). Konsep *takharrij* boleh berlaku, sama ada secara percuma atau pampasan (Mohd Khairy & Azwan, 2016). Bagi orang bukan Islam yang mati tidak berwasiat, pembahagian harta adalah mengikut Akta Pembahagian 1958.

Pada ketika ini, bagi pentadbiran harta pusaka di Unit Pembahagian Pusaka Kecil yang melibatkan hartanah, pemilikan hartanah tersebut disyaratkan mengikut daerah tanah tersebut didaftarkan seperti yang tercatat dalam geran tanah. Sebagai contohnya, sekiranya tanah tersebut didaftarkan di Gombak, pentadbiran harta pusaka tidak boleh dibuat di daerah lain di negeri Selangor, melainkan di Gombak. Bagi jenis tanah yang tertakluk pada Akta Tanah Berkelompok 1960 (GSA), seperti tanah FELDA, proses pindah milik dilakukan melalui dua cara, sama ada melalui pelantikan pentadbir (pemegang amanah) atau turun milik yang tidak melebihi dua orang dalam kalangan waris. Hal ini dapat dirujuk dalam Seksyen 7(2) Akta Tanah Berkelompok 1960 (GSA) seperti yang berikut:

“Pegangan luar bandar hendaklah mempunyai apa-apa keluasan seperti yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan hendaklah mengandungi satu bidang tanah atau lebih di dalam kawasan penempatan luar bandar untuk dihuni oleh **seorang pemegang persendirian atau tidak lebih daripada dua orang pemegang** seperti yang dibenarkan oleh Akta ini ...”

Bagi kaedah pertama, secara maksimumnya, hanya dua orang pentadbir (pemegang amanah) yang boleh dilantik dan pentadbir ini bertanggungjawab untuk mengurus dan membahagikan hasil kepada waris mengikut hukum syarak (Nasrul Hisyam *et al.*, 2020; Nohafizah & Khadijah, 2015). Namun begitu, sekiranya tiada persetujuan dalam kalangan waris untuk melantik pentadbir sewaktu proses perbicaraan berlangsung, pentadbir tanah berkuasa untuk mengeluarkan perintah bagi melantik seorang pentadbir sahaja dalam kalangan ahli waris. Pentadbir ini bertanggungjawab untuk berbincang dengan waris lain, sama ada pembahagian pusaka adalah secara muafakat atau menggantikan bahagian waris lain dengan sesuatu nilai yang difikirkan wajar. Bagi kaedah kedua, turun milik harta kepada dua orang waris akan berlaku sekiranya mendapat persetujuan waris lain. Peruntukan ini juga dapat dirujuk dalam Seksyen 14(2) Akta Tanah Berkelompok 1960 (GSA) seperti yang berikut:

Sesuatu pegangan luar bandar boleh diberi milik dan dipegang bersama oleh tidak lebih daripada dua orang.

Kaedah turun milik ini secara asasnya dilihat sama seperti konsep faraid melalui permuafakatan waris yang perlu ditandatangani oleh semua waris di hadapan pesuruhjaya sumpah (FELDA, 2022; Nasrul Hisyam & Norazila, 2013). Keunikan pentadbiran harta pusaka melalui Unit Pembahagian Pusaka Kecil lebih terserlah, khususnya apabila melibatkan harta tidak alih yang berstatus tanah adat dan tanah natif. Mahkamah tinggi tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan pusaka sekiranya si mati berasal daripada suku adat di Negeri Sembilan atau seorang bumiputera Sabah. Hal ini seperti yang tersebut melainkan apabila pengesahan bertulis berjaya diperoleh daripada JKPTG yang menunjukkan bahawa tanah tersebut tidak dikategorikan sebagai pusaka kecil di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98].

Selain itu, Pentadbir Tanah Daerah (PTD) di setiap Unit Pembahagian Pusaka Kecil juga diberi kuasa sepenuhnya (*exclusive jurisdiction*) untuk menyelesaikan pentadbiran harta pusaka, khususnya berdasarkan *one land office for each district* (Pusat Informasi Tanah dan Ukur, 2015).

### **Kronologi Pindaan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98]**

Kronologi pindaan Akta 98 ini pada asasnya telah dimulakan pada awal tahun 2016 oleh pihak berkepentingan. Jadual 1 menunjukkan secara

am tindakan yang telah dilakukan sehinggalah RUU Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2021 berjaya dibentangkan di Parlimen Malaysia (Ahmad Marzuki, 2022).

**Jadual 1** Kronologi pindaan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98).

Tahun	Tindakan
2016–2017	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bengkel rundingan awal bersama pemegang taruh dan agensi berkepentingan, seperti mahkamah tinggi, JKPTG, ARB, MAIN/Baitulmal, JPPH, ahli akademik, syarikat pemegang amanah dan wakil peguam.</li> </ul>
2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelulusan dasar oleh jemaah menteri bagi cadangan pindaan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1995 [Akta 98].</li> <li>Kelulusan bersyarat Majlis Tanah Negara ke-74.</li> </ul>
2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mesyuarat JKPTG bersama-sama dengan pemegang taruh dan agensi berkepentingan, seperti ARB dan Kerajaan Negeri.</li> <li>Kelulusan Majlis Tanah Negara ke-75.</li> </ul>
2020	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelulusan dasar oleh jemaah menteri bagi cadangan Pindaan Akta 98.</li> </ul>
2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelulusan RUU Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2021.</li> </ul>

Berdasarkan portal rasmi Parlimen Malaysia, Rang Undang-undang (RUU) Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2021 telah diluluskan bacaan kali pertamanya di Dewan Rakyat oleh Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan pada 11 Oktober 2021. Seterusnya, bacaan kali kedua telah diluluskan pada 26 Oktober 2021 (Parlimen Malaysia, 2022). Tujuan utama pindaan Akta 98 ini adalah untuk mengurus kes pentadbiran harta pusaka yang semakin banyak tertunggak pada setiap tahun. Isu ini dilihat semakin meruncing, terutamanya sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020–2021 akibat COVID-19 sehingga menyebabkan kebanyakan proses pentadbiran harta pusaka di Unit Pembahagian Pusaka Kecil terjejas (Muhammad Fakhri, 2022).



Oleh sebab Unit Pembahagian Pusaka Kecil ialah institusi rasmi milik kerajaan, pihak kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya untuk mencari jalan penyelesaian bagi isu ini. Usaha ini bagi memudahkan rakyat untuk melaksanakan pentadbiran harta pusaka dengan perkhidmatan yang lebih efisien, dan penawaran fi pusaka yang rendah, iaitu pada kadar 0.2% bagi keseluruhan aset. Setelah RUU ini berjaya dipinda, akta baharu ini dikenali sebagai Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643].

Menurut Datuk Seri Takiyuddin Hassan, Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] yang baru diperkenalkan ini diyakini dapat menyelesaikan isu pentadbiran harta pusaka yang semakin tertunggak dan meringankan beban waris si mati. Hal ini berkait dengan pendaftaran baharu harta pusaka yang dianggarkan hampir 60 ribu kes pada setiap tahun. Jumlah kes baharu pada setiap tahun ini sangat tinggi berbanding dengan nisbah bilangan pegawai yang sedikit bagi pengurusan kes harta pusaka tersebut. Hal ini merupakan satu daripada faktor yang menyebabkan pentadbiran harta pusaka tertunggak dan memberikan banyak kekangan dan tekanan kepada JKPTG (Rohaniza, 2021).

Oleh sebab itu, Datuk Seri Takiyuddin Hassan menegaskan beberapa fokus utama dalam pindaan Akta 98 baharu ini (Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, 2021). Fokus ini adalah untuk:

- (1) Mewujudkan tafsiran dan peruntukan yang lebih meluas kepada JKPTG untuk memudahkan masyarakat membuat pentadbiran harta pusaka, khususnya harta pusaka kecil.
- (2) Memperbaiki dan mengoptimumkan sistem pentadbiran pusaka sedia ada melalui kaedah perundangan agar manfaatnya dapat diperoleh oleh semua lapisan masyarakat.
- (3) Memberikan pilihan kepada rakyat ketika mengemukakan petisyen permohonan, di samping menilai semula tempoh pentadbiran harta pusaka sedia ada.
- (4) Menggunakan sistem elektronik bagi mengemukakan petisyen.

Berdasarkan empat fokus utama yang ditekankan, penulis berpandangan bahawa peluasan bidang kuasa ini akan memberi impak yang besar terhadap pentadbiran harta pusaka pada masa akan datang. Malah, keprihatinan pihak kerajaan untuk menyelesaikan isu tunggakan pentadbiran harta pusaka juga jelas terserlah apabila bekerjasama dengan Jabatan Pentadbiran Awam (JPA) secara serius bagi mewujudkan sebuah

jabatan khas yang mempunyai Ketua Pengarah sendiri pada peringkat persekutuan dan negeri, serta mempunyai kakitangan yang berasingan daripada JKPTG. Pada ketika ini, urusan pentadbiran harta pusaka diurus sepenuhnya oleh Unit Pembahagian Pusaka Kecil di bawah JKPTG dengan kakitangan yang terhad (Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, 2021).

Oleh sebab itu, makalah ini akan menganalisis kandungan Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] yang baru diperkenalkan ini dan melihat implikasinya bagi mencapai objektif kajian secara lebih menyeluruh.

## **PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

Berdasarkan analisis pindaan terkini terhadap Akta 98 Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 ini, penulis telah menemukan:

- (1) Satu bahagian dan tiga seksyen baharu.
- (2) Lapan belas seksyen yang dipinda.
- (3) Satu seksyen dan satu jadual yang telah diganti.

Merujuk Akta 98 Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 tersebut, terdapat tiga tafsiran definisi yang telah dikemas kini dan ditambah bidang kuasanya seperti berikut:

### **1. Majlis**

Berkaitan dengan negeri, ertinya Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), apa-apa jua dipanggil, yang ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis bagi tujuan pentadbiran undang-undang Islam.

Tafsiran dan peruntukan baharu ini memperkenalkan “Majlis” sebagai badan agama Islam yang boleh menjadi pempetisyen dan sama-sama menyertai proses pentadbiran pusaka di Malaysia. Tafsiran dan peruntukan baharu ini meliputi bidang kuasa bagi penyelesaian harta pusaka kecil. Menerusi peranan yang diberikan kepada Majlis ini, masyarakat Islam mempunyai alternatif ketika melantik pempetisyen.

Malah, kesan daripada peruntukan ini, MAIN juga dapat berperanan seperti Amanah Raya Berhad (ARB), iaitu sebagai pemegang amanah yang melibatkan sejumlah wang dalam beberapa keadaan. Contohnya, keadaan apabila lokasi seseorang itu tidak diketahui, seseorang itu enggan menerima bayaran pusaka, orang itu tidak mempunyai keupayaan dari segi undang-undang atau apa-apa sebab lain yang tidak praktikal untuk membolehkan bayaran dilakukan kepada benefisiari.

Secara umumnya, MAIN boleh mengambil bidang tugas ARB sebagai pempetisyen dan pemegang amanah berdasarkan dua peruntukan akta berikut:

- (a) Pelantikan ARB sebagai **pempetisyen** berdasarkan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98]:

*8(1) Where any person has died intestate leaving a small estate, any person claiming to be interested in the estate as a beneficiary, or a creditor, or a purchaser, or in the circumstances mentioned in subsection 18(1), the penghulu or a Settlement Officer of the district or of the locality in which any land of which the deceased was the proprietor is situated, or the Corporation, may lodge with the Land Administrator at any district wherever the immovable property comprised in the estate is situated a petition, in the prescribed form, for the distribution of the estate.*

- (b) Pelantikan ARB sebagai **pemegang amanah** bagi benefisiari bawah umur dan tiada keupayaan dari segi undang-undang berdasarkan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995:

12. (1) Perbadanan boleh dilantik menjadi **pemegang amanah** apa-apa wasiat atau berian atau surat cara lain yang mewujudkan amanah atau untuk melaksanakan apa-apa amanah atau kewajipan yang tergolong dalam kelas yang ia dibenarkan untuk menerima ....

20. Jika, apabila selesainya pentadbiran harta pusaka seseorang yang mati berwasiat atau tidak berwasiat, masih terdapat dengan perbadanan wang yang tidak dapat dilupuskan serta-merta olehnya melalui pembahagian mengikut undang-undang oleh sebab **ketakdayaan orang yang berhak itu untuk memberikan pelepasan, kerana kurang keupayaan di sisi undang-undang atau selainnya**, atau oleh apa-apa sebab lain yang didapati mencukupi oleh Perbadanan, maka Perbadanan boleh menggunakan wang itu bagi faedah orang itu.

## 2. Harta

Definisi ini merujuk harta tidak alih, atau harta alih, atau harta tidak alih dan harta alih. Pindaan terhadap definisi ini memberikan bidang kuasa yang lebih luas kepada Unit Pembahagian Pusaka Kecil untuk mentadbir harta alih (sahaja) si mati. Hal ini dikatakan demikian kerana sebelum pindaan terhadap Akta 98 ini dilakukan, definisi harta hanya merangkumi aset tidak alih sahaja, atau aset tidak alih dan aset alih.

### 3. Pesakit

Definisi ini merujuk benefisiari tunggal, orang yang mengalami penyakit serius atau cedera, atau orang yang hilang upaya berjalan dan tidak mampu menghadiri apa-apa prosiding di bawah akta ini.

Berdasarkan definisi ini, “pesakit” merangkumi pelbagai jenis benefisiari yang terhalang daripada menghadiri prosiding perbicaraan. Kelonggaran yang diberikan ini bagi memudahkan perbicaraan yang bakal berlangsung dalam kalangan waris si mati.

Seterusnya, melalui analisis yang dilakukan terhadap kandungan Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] tersebut, didapati terdapat empat elemen utama seperti yang berikut:

- (1) Peluasan bidang kuasa.
- (2) Pembaikan tadbir urus.
- (3) Penyingkatan tempoh masa pentadbiran harta pusaka.
- (4) Petisyen secara elektronik.

Jadual 2 hingga 5 menerangkan secara terperinci pindaan dan implikasi Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] ini.

**Jadual 2** Pindaan dan implikasi Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] yang melibatkan peluasan bidang kuasa.

Bil.	Pindaan Terkini	Implikasi
1	Pindaan ini melibatkan Seksyen 2A: Pelantikan dan kuasa Presiden Pegawai Pembahagian Pusaka untuk menentukan Pegawai Pembahagian Pusaka mengikut wilayah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses pentadbiran pusaka akan lebih tersusun, mengurangkan birokrasi dan mengelakkan kelewatan pentadbiran harta pusaka.</li> </ul>
2	Pindaan ini melibatkan Seksyen 2B: Pelantikan Timbalan Presiden Pegawai Pembahagian Pusaka.	

<b>Bil.</b>	<b>Pindaan Terkini</b>	<b>Implikasi</b>
3	Pindaan ini melibatkan Seksyen 2C. Menteri boleh melantik mana-mana penjawat awam sebagai Pegawai Pembahagian Pusaka.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melalui peruntukan akta ini, menteri berkuasa untuk membentuk sebuah jabatan khas pada peringkat persekutuan dan negeri.</li> <li>• Jabatan khas ini akan memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap pentadbiran harta pusaka. Berbanding dengan keadaan sebelum ini, pegawai bertugas berada di bawah JKPTG yang mempunyai pelbagai unit dengan bilangan pegawai yang terhad.</li> </ul>
4	Pindaan ini melibatkan Seksyen 3 “Takrif harta pusaka”. Harta pusaka kecil ertinya suatu harta pusaka si mati yang mengandungi apa-apa harta yang terletak di mana-mana negeri dan tidak melebihi RM5 juta bagi nilai keseluruhan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Definisi harta pusaka kecil tidak lagi terhad pada harta tidak alih sahaja, atau harta alih dan harta tidak alih.</li> <li>• Pihak waris juga boleh membuat petisyen walaupun hanya melibatkan harta alih sahaja, seperti kenderaan, wang tunai, saham, harta gadaian, atau pindah milik bahagian perkuburan NIRVANA untuk orang bukan Islam.</li> <li>• Nilai harta pusaka yang ditadbir ditingkatkan daripada RM2 juta kepada RM5 juta. Peningkatan ini dilihat signifikan berdasarkan peningkatan nilai harta tidak alih, seperti rumah dan hartanah, dari setahun ke setahun.</li> <li>• Pihak waris dapat menjimatkan kos pengurusan yang tinggi tanpa perlu menggunakan khidmat peguam bagi urusan di mahkamah tinggi.</li> </ul>
5	Pindaan ini melibatkan Seksyen 4 “Bidang kuasa”. Perkataan “ <i>district</i> ” digantikan di mana-mana jua yang terdapat perkataan “ <i>State</i> ”.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pindaan ini membolehkan Pegawai Pembahagian Pusaka mempunyai kuasa untuk mendengar petisyen yang dikemukakan di hadapannya walau di mana-mana jua petisyen tersebut difailkan di negeri yang sama.</li> <li>• Hal ini memudahkan waris/pempetisyen menyelesaikan kes pusaka si mati yang berada di luar kawasannya selagi masih berada di negeri yang sama. Sebelum pindaan Akta 98 dilakukan, pentadbiran pusaka akan dilaksanakan di daerah yang didaftarkan sahaja.</li> </ul>

Bil.	Pindaan Terkini	Implikasi
6	<p>Pindaan ini melibatkan Seksyen 8 “Petisyen Pembahagian” 2B. Perkataan “Penghulu <i>or Corporation</i>” digantikan dengan “<i>Corporation or Majlis or guardian or next friend</i>”.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pindaan ini memberikan kuasa kepada MAIN, penjaga atau sahabat wakil (<i>Next Friend</i>) sebagai wakil waris untuk menjadi pempetisyen terhadap pusaka si mati bagi kes harta pusaka yang belum dibuat pembahagian setelah lebih enam bulan daripada tarikh kematian. Sebelum ini juga, hanya ARB yang boleh dilantik untuk mewakili waris.</li> <li>• Selain itu, peranan MAIN dapat diperkasa selaku institusi rasmi bagi umat Islam, khususnya yang melibatkan harta pusaka golongan asnaf dan muafak, di samping mempelbagaikan fungsi majlis dalam institusi kekeluargaan orang Islam.</li> </ul>
7	<p>Pindaan ini melibatkan Seksyen 8C “<i>LA Pendete Lite</i>”. “Pentadbir sementara” atau “<i>LA Pendete Lite</i>” diperkenalkan untuk membolehkan seseorang dilantik secara sementara dalam suatu litigasi di mahkamah bagi sebarang pemberian yang dikeluarkan di bawah akta ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dengan adanya pentadbir sementara, semua urusan litigasi di Mahkamah akan diurus atau dipertanggungjawabkan kepada orang yang dilantik itu.</li> <li>• Proses ini bakal memudahkan pihak waris untuk merujuk kes tersebut kepada orang yang dilantik dan prosesnya lebih tersusun. Contohnya, memudahkan urusan untuk mendapatkan maklumat berkenaan harta alih si mati, seperti penyata kewangan.</li> </ul>
8	<p>Pindaan ini melibatkan Seksyen 15(4B) dan 4(A) “Kuasa Pembahagian”. Pegawai Pembahagian Pusaka mempunyai budi bicara untuk menjual harta yang dipertikaikan berdasarkan kehendak majoriti bahagian mengikut ketetapan harga pasaran atau yang lebih menguntungkan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pegawai Pembahagian Pusaka mempunyai budi bicara untuk menjual harta yang dipertikaikan berdasarkan kehendak majoriti bahagian mengikut ketetapan harga pasaran atau yang lebih menguntungkan.</li> <li>• Hal ini menjadikan prosesnya lebih cepat, segera dan dapat mengurangkan masalah fail pusaka yang tertangguh akibat pertikaian dalam kalangan waris.</li> </ul>

Berdasarkan Jadual 2, bagi pindaan dan implikasi Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] yang melibatkan peluasan bidang kuasa, pindaan ini melibatkan Seksyen 2A, Seksyen 2B, Seksyen 2C, Seksyen 3 “Takrif harta pusaka”, Seksyen 4 “Bidang kuasa”, Seksyen 8 “Petisyen pembahagian”, Seksyen 8C “*LA Pendete Lite*” dan Seksyen 15(4B) dan 4(A) “Kuasa Pembahagian”.

**Jadual 3** Pindaan dan implikasi Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] yang melibatkan pembaikan tadbir urus.

Bil.	Pindaan Terkini	Implikasi
1	Pindaan ini melibatkan Seksyen 9 “Penyampaian Notis”. Pempetisyen dipertanggungjawabkan untuk menerima notis panggilan perbicaraan yang menyatakan tarikh, masa dan tempat perbicaraan pembahagian harta pusaka si mati, serta menyerahkan notis berkenaan kepada waris lain yang dinyatakan dalam senarai benefisiari dalam petisyen permohonan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanggungjawab untuk menyampaikan notis panggil bicara diberikan oleh pempetisyen. Pempetisyen perlu menyampaikan notis ini kepada waris si mati setelah menerimanya daripada Unit Pembahagian Pusaka Kecil.</li> <li>• Pindaan ini dapat menyelesaikan isu waris yang tidak menerima notis panggil bicara yang dikeluarkan oleh Unit Pembahagian Pusaka Kecil sehingga menyebabkan proses perbicaraan sering tertangguh.</li> </ul>
2	Pindaan ini melibatkan Seksyen 12 (11) & 12 (12) “Prosedur Perbicaraan”. Pegawai pembahagian pusaka boleh memberikan arahan kepada pempetisyen untuk mendapatkan surat persetujuan daripada waris yang tidak hadir. Pegawai ini juga boleh membuat keputusan perbicaraan, seterusnya mengeluarkan perintah pemberian harta pusaka si mati walaupun terdapat waris yang tidak dapat hadir pada hari perbicaraan yang gagal mengemukakan surat persetujuan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pindaan Akta 98 ini membolehkan setiap kes yang sedang dibicarakan dapat diselesaikan biarpun tanpa kehadiran sesetengah waris si mati dan tanpa surat persetujuan waris yang tidak dapat hadir semasa bicara tersebut.</li> <li>• Kes pusaka yang tertunggak dapat dikurangkan dan mengelakkan proses perbicaraan ditangguhkan.</li> </ul>

Jadual 3 pula menunjukkan pindaan dan implikasi Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] yang melibatkan pembaikan tadbir urus, dan melibatkan Seksyen 9 “Penyampaian Notis” dan Seksyen 12 (11) & 12 (12) “Prosedur Perbicaraan”.

**Jadual 4** Pindaan dan implikasi Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] yang melibatkan penyingkatan tempoh masa pentadbiran harta pusaka.

Bil.	Pindaan Terkini	Implikasi
1	<p>Pindaan ini melibatkan Subseksyen 8(6A) “Petisyen”. Waris diberi pilihan untuk menggunakan perkhidmatan penilaian pihak swasta terhadap harta si mati sebelum memfailkan permohonan. Sebelum ini, penilaian daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) sahaja yang boleh digunakan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Waris si mati mempunyai alternatif lain untuk membuat penilaian hartanah seperti pihak swasta tanpa merujuk Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).</li> <li>• Urusan permohonan pusaka lebih cepat kerana harta si mati telah dinilai terlebih dahulu dan penilaian ini boleh dimasukkan ke dalam borang permohonan (Borang A) yang telah dilengkapkan terlebih dahulu oleh waris.</li> </ul>
2	<p>Pindaan ini melibatkan Seksyen 8B(1)(a) “Pembahagian Ringkas”. 8b (i) Hanya harta alih yang belum diisytiharkan dalam petisyen dan tidak melebihi RM600 ribu secara keseluruhannya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Waris si mati boleh memfailkan harta alih sahaja tanpa harta tidak alih.</li> <li>• Selain itu, waris si mati bakal memperoleh Surat Kuasa Mentadbir dengan kadar segera tanpa perlu melalui prosiding perbicaraan yang panjang yang melibatkan kehadiran waris si mati. Sebelum ini, petisyen bagi harta alih dan harta tidak alih di Unit Pembahagian Pusaka Kecil mengambil masa sekurang-kurangnya satu tahun.</li> <li>• Pelaksanaan ini sama seperti proses pengeluaran Surat Kuasa Mentadbir oleh ARB tanpa memerlukan sebarang perbicaraan yang melibatkan waris. Pada ketika ini, tempoh masa normal bagi</li> </ul>



Bil.	Pindaan Terkini	Implikasi
		pentadbiran harta pusaka Seksyen 17 ARB mengambil masa antara empat hingga enam bulan bagi aset tunai yang bernilai di bawah RM600 ribu.
3	Pindaan ini melibatkan Seksyen 29 “Rayuan”. Tempoh masa rayuan ke mahkamah tinggi ialah 30 hari daripada tarikh keputusan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Prosedur ini lebih jelas berbanding dengan prosedur sebelum pindaan yang tidak menyatakan tempoh bilangan hari tertentu untuk rayuan bagi orang yang terkilau atau bagi orang yang tidak bersetuju dengan Surat Kuasa Mentadbir yang telah dikeluarkan.</li> <li>• Sebarang rayuan atau bantahan boleh dibuat oleh pihak waris ke mahkamah tinggi selepas tempoh 30 hari daripada keputusan dibuat.</li> </ul>
4	Pindaan ini melibatkan Seksyen 16A. Pindaan terhadap perintah pembahagian yang telah dikeluarkan dibolehkan sekiranya melibatkan kesilapan kecil perkeranian atau ketinggalan ( <i>omission</i> ) yang berbeza daripada maklumat semasa bicara.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pindaan ini tentunya memudahkan waris sekiranya terdapat kesilapan kecil dari sudut perkeranian atau ketinggalan (<i>omission</i>) yang berbeza daripada maklumat semasa bicara. Contohnya, kesilapan menaip (<i>typing error</i>) pada bahagian pemilikan bahagian, nombor kad pengenalan, nama dan maklumat aset.</li> <li>• Waris atau pempetisyen tidak perlu membuat permohonan atau prosiding lain bagi mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir daripada mahkamah tinggi.</li> <li>• Proses ini pastinya menjimatkan masa dan kos. Sebelum ini, waris atau pempetisyen perlu hadir ke mahkamah tinggi bagi urusan pembetulan dan mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir yang baharu.</li> </ul>

Berdasarkan Jadual 4, bagi pindaan dan implikasi Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] yang melibatkan penyingkatan tempoh masa pentadbiran harta pusaka, pindaan ini melibatkan Subseksyen 8(6A) “Petisyen”, Seksyen 8B(1)(a) “Pembahagian Ringkas”, Seksyen 29 “Rayuan” dan Seksyen 16A.

**Jadual 5** Pindaan dan implikasi Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] yang melibatkan petisyen secara elektronik.

Bil.	Pindaan Terkini	Implikasi
1	Menteri boleh membuat apa-apa peraturan untuk mewujudkan peruntukan yang berkaitan dengan petisyen secara elektronik.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemudahan ini memudahkan waris untuk membuat petisyen harta pusaka secara elektronik tanpa perlu hadir ke kaunter, terutamanya apabila kebanyakan proses perlu dilakukan secara digital.</li> <li>• Proses ini hampir menyamai proses perbicaraan secara dalam talian di mahkamah tinggi, kini walaupun pelaksanaannya masih pada peringkat permulaan di Unit Pusaka Kecil.</li> </ul>

Seterusnya, bagi Jadual 5, pindaan dan implikasi Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] melibatkan petisyen secara elektronik. Pindaan terkini dan implikasi seperti yang dinyatakan dalam jadual.

Jadual 2 hingga 5 jelas menunjukkan usaha proaktif kerajaan untuk menangani isu kelewatan pembahagian harta pusaka yang semakin membimbangkan. Beberapa pindaan terkini terhadap empat skop utama, iaitu peluasan bidang kuasa, pembaikan tadbir urus, penyingkatan tempoh masa dan petisyen secara elektronik, diharap dapat memberikan implikasi yang lebih besar. Namun begitu, menurut Muhammad Fakhri (2022), iaitu Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Raub, pelaksanaan pindaan ini dilihat masih belum menyeluruh di kebanyakan Unit Pembahagian Pusaka Kecil di seluruh Malaysia

Kenyataan ini turut diperkukuh oleh Yanoorhady Norza Yahya (2022), Eksekutif di Jabatan Khidmat Pelanggan Amanah Raya Berhad. Menurut beliau, kebanyakan pelanggan yang hadir ke kaunter Unit Pembahagian Pusaka Kecil untuk membuat permohonan yang melibatkan aset alih sahaja masih tidak dibenarkan untuk mendaftarkan permohonan pusaka. Malah, pelanggan tersebut turut diarahkan untuk merujuk ARB bagi mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir (Yanoorhady Norza, 2022). Penulis berpandangan

bahawa situasi ini mungkin berlaku disebabkan oleh pelaksanaannya yang masih belum menyeluruh kerana baru digazetkan di Parlimen.

Selain itu, terdapat beberapa cabaran lain yang mungkin perlu dihadapi. Pada ketika ini, masyarakat masih memilih ARB untuk pengurusan aset alih, khususnya bagi harta yang nilainya tidak melebihi RM600 ribu. Jadual 6 dan Jadual 7 menerangkan contoh bagi cabaran tersebut.

**Jadual 6** Contoh perkiraan fi pusaka aset alih kenderaan.

Agensi	Aset	Fi Pusaka	Jumlah
ARB	1. Kereta – RM30 000 2. Motosikal – RM5 000	5% bagi RM25 ribu pertama	RM1650
		4% bagi RM225 ribu berikutnya	
Unit Pembahagian Pusaka Kecil		0.2%	RM70

Berdasarkan Jadual 6, sekiranya si mati meninggalkan sebuah kereta berharga RM30 000 dan sebuah motosikal berharga RM5000, fi pusaka yang akan diperoleh oleh ARB bagi kedua-dua aset tersebut adalah sebanyak RM1650. Bagi aset yang sama ini, fi pusaka yang akan diperoleh oleh Unit Pembahagian Pusaka Kecil hanyalah RM70.

**Jadual 7** Contoh perkiraan fi pusaka aset alih tunai.

Agensi	Aset	Fi Pusaka	Jumlah
ARB	1. Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) – RM150 000 2. KWSP – RM300 000 3. Tabung Haji – RM100 000	5% bagi RM25 ribu pertama	RM18 750
		4% bagi RM225 ribu berikutnya	
		3% bagi RM250 ribu berikutnya	
		2% bagi RM500 ribu berikutnya	
Unit Pembahagian Pusaka Kecil		0.2%	RM1100

Berdasarkan Jadual 7, sekiranya aset yang ditinggalkan oleh si mati ialah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang berjumlah RM150 000, simpanan KWSP yang berjumlah RM300 000 dan simpanan Tabung Haji berjumlah RM100 000, fi pusaka yang akan diperoleh ARB bagi kedua-dua aset tersebut berjumlah RM18 750. Fi pusaka yang akan diperoleh oleh Unit Pembahagian Pusaka Kecil pula lebih rendah, iaitu sebanyak RM1100 sahaja.

Perbezaan fi pusaka yang signifikan ditambah dengan proses pusaka yang singkat, bakal memberikan manfaat kepada masyarakat apabila memilih Unit Pentadbiran Pusaka Kecil. Namun begitu, penulis berpandangan bahawa pelaksanaannya kelak akan berhadapan dengan beberapa cabaran. Hal ini dikatakan demikian kerana Unit Pentadbiran Pusaka Kecil akan menjadi tumpuan masyarakat, seterusnya dikhuatiri menjadi tempat lambakan kes sekali lagi sekiranya tidak dilaksanakan dengan sebaik-baik mungkin.

Selain itu, berdasarkan pengamatan penulis, tiada lagi sebarang peruntukan, seperti dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, Enakmen Wasiat Orang Islam yang membenarkan MAIN dibolehkan menjadi pempetisyen atau pemegang amanah seperti bidang kuasa yang diberikan kepada ARB. Bidang kuasa yang diperuntukkan kepada ARB ini dapat dirujuk dalam Seksyen 16(3) dan (4), Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] seperti yang berikut:

*16(3) Where a sum of money in the possession of the Land Administrator is payable to any person under or by virtue of a distribution order, the Land Administrator shall deposit such sum of money with the Corporation if-*

- (a) the whereabouts of such person are not known;*
- (b) such person refuses to accept payment of such sum of money;*
- (c) such person lacks legal capacity; or*
- (d) for any other reason it is not practicable to pay such sum of money to such person.*

*16(4) Where a sum of money has been deposited with the Corporation under subsection (3), the Corporation shall hold such sum as trustee for the person entitled to it, and may apply the same for the benefit of that person, or may pay the said sum to that person if he makes*

*a claim thereto in writing and the Corporation is satisfied as to his identity, entitlement and legal capacity to receive it.*

Seksyen 16(3) dan (4), Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] mempunyai kaitan langsung dengan Seksyen 20 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 yang membenarkan ARB selaku pemegang amanah bagi benefisiari bawah umur dan tiada keupayaan dari segi undang-undang. Oleh sebab itu, penulis berpandangan bahawa beberapa tindakan susulan boleh dilakukan oleh MAIN bagi membolehkan pindaan Akta 98 ini dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan bersedia dilaksanakan dalam masa terdekat. Antaranya termasuklah meneliti dan membuat semakan terhadap peruntukan setiap enakmen di setiap negeri, seperti Enakmen Pentadbiran Agama Islam, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam dan Enakmen Wasiat Orang Islam.

Jika tiada, pindaan enakmen perlu dilakukan untuk membolehkan MAIN bertindak sebagai pempetisyen dan pemegang amanah. Sekiranya pindaan telah dibuat, pindaan tersebut perlu dimaklumkan segera kepada JKPTG bagi tujuan pewartaan.

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di setiap negeri perlu mengadakan perbincangan bersama bagi menyelaraskan pelaksanaan pindaan Akta 98 ini.

Selain itu, perbincangan dan perkongsian maklumat juga boleh dilakukan bersama-sama dengan ARB untuk mendapatkan proses gerak kerja (*quality procedure*) yang lebih terperinci.

## **KESIMPULAN**

Secara umumnya, pengenalan Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643], terutamanya yang melibatkan peluasan bidang kuasa, pembaikan tadbir urus, penyingkatan tempoh masa pentadbiran harta pusaka dan petisyen secara elektronik memberikan implikasi yang besar kepada masyarakat. Usaha ini diyakini boleh menyelesaikan isu kelewatan pentadbiran harta pusaka pada setiap tahun. Selain itu, usaha gigih kerajaan ini bakal memberikan manfaat kepada rakyat Malaysia, khususnya yang berpendapatan rendah, melalui agensi rasmi kerajaan, iaitu Unit Pentadbiran Pusaka Kecil. Waris si mati tidak perlu membelanjakan kos yang besar untuk mendapatkan khidmat guaman bagi memfailkan dan mengurus kes di mahkamah tinggi. Malah, waris si mati juga boleh menarik nafas lega apabila dibenarkan untuk membuat petisyen yang melibatkan aset alih sahaja yang bernilai di bawah RM600,000 tanpa melalui prosiding yang rumit.

Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, penulis mendapati bahawa peranan kerajaan dalam usaha memperkasa peranan MAIN adalah wajar. Hal ini dikatakan demikian kerana MAIN ialah institusi rasmi umat Islam yang bernaung di bawah sultan bagi setiap negeri dan entitinya lebih dekat dengan masyarakat Islam. Walaupun terdapat sedikit cabaran pada peringkat awal, penulis yakin bahawa gerak kerja yang proaktif daripada pihak yang berkepentingan untuk menjayakan aspirasi kerajaan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Pihak berkepentingan, seperti JAWHAR, JAKIM, ARB, JKPTG dan mahkamah tinggi, telah dan akan terus memainkan peranan penting untuk menyelesaikan isu pentadbiran harta pusaka yang telah lama membelenggu umat Islam ini.

## RUJUKAN

- Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98].  
Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643].  
Ahmad Marzuki Zulkifly. (2022, 21 Julai). Temu bual bersama Eksekutif Jabatan Operasi Amanah Raya Berhad. [Temu bual].  
Ainan Husnaa Muhammad Saifullah & Siti Mashitoh Mahamood. (2020). Isu-isu berbangkit dalam pengurusan harta pusaka ringkas secara berwasiat dan tidak berwasiat di Amanah Raya Berhad (ARB). *Journal of Shariah Law Research*, 5(2), 207–230.  
Aqilah Mior Kamarulbaid. (2021). Harta beku. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/09/rm90b-harta-beku-tidak-dituntut/>  
Bibi Nur Adila Zulkaffi & Md Yazid Ahmad. (2016). Kekangan dan penyelesaian kelewatan pengurusan aset pusaka tak alih orang Islam di Malaysia. *Islāmiyyāt, Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 38(1), 53–63.  
Fazira Shafie, Wan Zahari Wan Yusoff & Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus. (2014, 9-10 April). *Pengurusan harta tanah di Malaysia menurut perspektif Islam: Isu dan cabaran bagi pewarisan harta dalam konteks pembangunan modal insan*. [Prosiding] Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN2014), Batu Pahat, Johor.  
FELDA. (2022). Kit Soal Jawab Pewarisan Harta Peneroka FELDA. <https://felda.gov.my/peneroka/sumbangan-sosioekonomi/pewarisan>  
Hani Kamariah Mat Abdullah, Suhaimi Ab Rahman, Rasyidah Md. Khalid & Nurul Aiman Mat Abdullah. (2020). Perkembangan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 42–53.  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2019). *Pelan Strategik JAKIM 2019–2025*. [https://www.islam.gov.my/images/documents/Pelan\\_Strategik\\_JAKIM\\_2019-2025.pdf](https://www.islam.gov.my/images/documents/Pelan_Strategik_JAKIM_2019-2025.pdf)

- Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). (2022). <https://www.jkptg.gov.my/>
- Menteri Tenaga dan Sumber Asli. (2021). *Rang Undang-undang Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2021* [Siaran media]. [https://www.ketsa.gov.my/ms-my/pustakamedia/KenyataanMedia/Siaran%20Media%20Rang%20Undang-Undang%20Pemuliharaan%20Hidupan%20Liar%20\(Pindaan\)%202021%20dan%20Rang%20Undang-Undang%20Harta%20Pusaka%20Kecil%20\(Pembahagian\)%20\(Pindaan\)%202021%20Diluluskan%20Oleh%20Dewan%20Rakyat.pdf](https://www.ketsa.gov.my/ms-my/pustakamedia/KenyataanMedia/Siaran%20Media%20Rang%20Undang-Undang%20Pemuliharaan%20Hidupan%20Liar%20(Pindaan)%202021%20dan%20Rang%20Undang-Undang%20Harta%20Pusaka%20Kecil%20(Pembahagian)%20(Pindaan)%202021%20Diluluskan%20Oleh%20Dewan%20Rakyat.pdf)
- Muhammad Fakhri Abd Jalil. (2022, 20 Julai). Temu bual bersama Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Raub. [Temu bual].
- Muhamad Mu'izz Abdullah, Mohamad Fadzil Mohamad & Muhaimin Yaakob. (2020). Pelaksanaan amanah takaful di Malaysia: Analisis menurut perspektif maqasid syariah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(30), 1–12.
- Muhamad Mu'izz Abdullah, Siti Noor Farahin M.Fariddudin, Nasrul Hisyam Nor Muhamad & Abdul Bari Awang. (2021). Islamic estate planning in the industrial revolution era 4.0: Issues and challenges. *Journal of Emerging Economies and Islamic Research*, 9(2), 40–56.
- Mohd Khairy Kamarudin & Azwan Abdullah. (2016). Amalan pembahagian faraid di Malaysia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 2(3), 11–19.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Mohd Khairy Kamarudin, Mohd Zamro Muda, Noor Liza Mohamed Said, Nik Mohd Zaim Ab Rahim & Monika@Munirah Abd Razzak. (2020). Inter vivos gift as land inheritance mechanism for FELDA Land Holding. *Journal of Politics and Law*, 13(2), 226.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad & Norazila Mat Hussain. (2013). Pembahagian harta pusaka Felda: Perspektif masyarakat Islam FELDA Taib Andak. *Jurnal Teknologi (Sciences and Engineering)*, 66(1), 27–33.
- Nik Rahim Nik Wajis, Lukman Abdul Mutalib, Azman Ab. Rahman, Mualimin Mochammad Sahid, Nik Salida Suhaila Nik Saleh & Mohd Hazmi Mohd Rusli. (2018). Harta tidak dituntut: Punca dan kaedah penyelesaiannya. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7, 129–142.
- Nohafizah Arifin & Khadijah Hussin. (2015). Review on issues and problems of transferring FELDA land ownership. *Journal of Management Research*, 7(2), 229.
- Nur Fadlin Roslan & Azlin Alisa Ahmad. (2022). Pentadbiran harta pusaka dan implikasi negatif harta tidak dituntut. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4).
- Nurul Ain Nadiyah Abd Razak. (2015). Konsep hifz mal dalam pengurusan harta pusaka di As-Salihin Trustee Berhad. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pengurusan dan Kepimpinan Islam: Isu dan Cabaran*, 7.
- Parlimen Malaysia. (2022). <https://www.parlimen.gov.my/bills-dewan-rakyat>

- Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Keempat Belas, Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat. (2021, 25 Oktober).
- Pusat Informasi Tanah dan Ukur. (2015). Pengurusan harta pusaka di bawah Akta Harta Pusaka Kecil Pembahagian 1955. <https://pintu.instun.gov.my/>
- Rohaniza Idris. (2021). Pindaan RUU harta pusaka kecil memudahkan urusan waris. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/880353/pindaan-ruu-harta-pusaka-kecil-mudahkan-urusan-waris>
- Suhaimi Ab Rahman, Rasyidah Md Khalid & Abu Bakar Jaafar. (2019). Kajian keberkesanan undang-undang faraid di Malaysia. *Akademika (Isu Khas)*, 89(2), 77–91.
- Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).
- Wan Suraya Wan Hassin, Wan Shahzinda Shah Shahar & Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi harta pusaka beku di Malaysia. *International Conference on Management and Muamalah, 2016*(11), 311–315.
- Yanoorhady Norza Yahya. (2022, 21 Julai). Temu bual bersama Eksekutif Jabatan Khidmat Pelanggan Amanah Raya Berhad. [Temu bual].